



MEMPERKASA PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN PBT MENERUSI PENGUNAAN ICT



MEMPERKASA PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN PBT MENERUSI PENGGUNAAN ICT

© 2013 Hak Cipta Terpelihara

Mac 2013



ISI KANDUNGAN

PERUTUSAN	02
PENGENALAN	10
SISTEM ePBT	13
PORTAL ePBT <i>ONLINE</i>	27
OSC <i>ONLINE</i>	33
INTEGRASI MERENTASI AGENSI	43
IMPAK	49
MELANGKAH KE HADAPAN	56
PENUTUP	57





Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam “1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”.

Pembangunan ekonomi negara bergantung kepada keupayaan Kerajaan untuk mengguna dan menyesuaikan ICT dengan berkesan dalam senario sosio-ekonomi dunia tanpa sempadan. ICT melengkapkan strategi pembangunan negara dengan inisiatif-inisiatif yang menyokong Program Transformasi Kerajaan untuk merangsang pertumbuhan ekonomi yang mantap dalam mentransformasikan Malaysia kepada sebuah negara maju yang berpendapatan tinggi menjelang 2020.

Perkembangan globalisasi telah membentuk hala tuju baharu Perkhidmatan Awam dalam menyampaikan maklumat dan perkhidmatan kepada pelanggan. Sektor Awam kini berdepan dengan pelbagai cabaran ekoran perubahan persekitaran dan peningkatan ekspektasi rakyat dan komuniti perniagaan. Penyampaian perkhidmatan yang cekap, berkesan, dan mesra pelanggan adalah penting dalam usaha membentuk Kerajaan yang mesra rakyat menerusi pendekatan “Merakyatkan Perkhidmatan Awam”.

Memandangkan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) merupakan agensi barisan hadapan yang paling kerap berurusan dengan rakyat termasuk juga pemaju, peniaga dan pelabur, maka perkhidmatan PBT akan sentiasa menjadi penanda aras kecekapan dan prestasi perkhidmatan Kerajaan. Penggunaan ICT dalam

memperkasa penyampaian perkhidmatan PBT merupakan usaha dan iltizam Kerajaan dalam memastikan hasrat dan agenda untuk memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat menjadi realiti.

Adalah menjadi harapan saya agar buku “Memperkasa Penyampaian Perkhidmatan PBT Menerusi Penggunaan ICT” ini dijadikan rujukan oleh seluruh agensi Kerajaan dalam melaksanakan pemerkasaan sistem penyampaian perkhidmatan melalui penggunaan ICT yang berkesan dan seterusnya menghasilkan impak yang signifikan dalam transformasi Perkhidmatan Awam Malaysia.



DATO' SRI DR. ALI BIN HAMSA

Ketua Setiausaha Negara
Jabatan Perdana Menteri

27 Mac 2013

PERUTUSAN KETUA PENGARAH MAMPU



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam “1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”.

Penyusunan semula ekonomi yang diperkenalkan oleh Kerajaan Malaysia baru-baru ini menggariskan perancangan strategik negara untuk meletakkan asas yang lebih kukuh dalam usaha mencapai matlamat Wawasan 2020. Berteraskan gagasan “1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”, fokus dan penekanan Kerajaan dalam mentransformasikan Perkhidmatan Awam sentiasa diberikan kepada inisiatif dan usaha untuk menaik taraf sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan. Pelbagai program dan pembangunan projek telah dilaksanakan bagi memenuhi ekspektasi rakyat yang mengharapkan perkhidmatan yang cepat, efisien, efektif, mudah dan murah.

Kerajaan sentiasa memberi komitmen dalam usaha memperkukuh dan memantapkan lagi sistem penyampaian Kerajaan untuk melonjak kedudukan Malaysia dalam indeks-indeks utama di peringkat global. Malah, keperluan kepada transformasi dan inovasi terkini dalam penyampaian perkhidmatan

bukanlah lagi satu pilihan tetapi suatu kemestian. Pelaksanaan pelbagai program transformasi ini tidak dapat memberi impak yang positif jika tidak disokong dengan penggunaan ICT.

Penggunaan ICT dalam transformasi boleh mencetus banyak lagi peluang untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan Kerajaan selari dengan kecanggihan teknologi dan kepantasan ledakan maklumat di hujung jari. Sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan perlu menekankan kepada matlamat untuk memenuhi kehendak dan objektif pelanggan, sama ada masyarakat umum mahupun komuniti perniagaan.


Dalam hal ini Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) memainkan peranan yang amat penting dalam pentadbiran Kerajaan, kerana imej sesebuah PBT turut menggambarkan Kerajaan. Sebagai agensi barisan hadapan, PBT mempunyai impak langsung kepada kualiti hidup rakyat seperti kemudahan jalan raya, lampu isyarat, pelesenan, sistem perparitan dan longkang serta sistem pengutipan sampah sarap.

Menyedari hakikat ini, bisnes PBT yang disokong dengan penggunaan ICT secara berkesan telah memberi nilai tambah terhadap penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan. Selari dengan kehendak dan keperluan rakyat, Sistem ePBT, Portal ePBT *Online* dan OSC *Online* telah dibangunkan bagi memperkasa penyampaian PBT menerusi penggunaan ICT. Usaha ini adalah selaras dengan komitmen Perkhidmatan Awam untuk menyediakan perkhidmatan yang benar-benar berorientasikan pelanggan serta menzahirkan tadbir urus yang mantap.

Bagi memastikan Malaysia berada setanding dengan negara maju di peringkat antarabangsa, semua agensi Kerajaan, sektor swasta, komuniti perniagaan malah seluruh rakyat Malaysia perlu bersedia melaksanakan dan menerima transformasi digital mengikut arus pemodenan dunia.

Inisiatif MAMPU dengan kerjasama pihak Jabatan Kerajaan Tempatan menghasilkan buku “Memperkasa Penyampaian Perkhidmatan PBT Menerusi Penggunaan ICT” ini, mencerminkan komitmen serta kesungguhan Kerajaan dalam memperkasakan transformasi digital Sektor Awam.

Akhir kata, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberi kerjasama dalam penghasilan buku ini. Dengan penerbitan buku ini, adalah diharap intipati yang ingin disampaikan dapat dimanfaatkan oleh semua pihak dan seterusnya dijadikan rujukan untuk memperkasakan penyampaian perkhidmatan kerajaan kepada rakyat.



DATO' MOHAMAD ZABIDI ZAINAL

Ketua Pengarah
Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan
Pengurusan Malaysia (MAMPU)
Jabatan Perdana Menteri

13 Mac 2013



PERUTUSAN

KETUA PENGARAH JABATAN KERAJAAN TEMPATAN



Assalamualaikum, Salam Sejahtera dan Salam “1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”.

Selaras dengan gagasan “1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”, setiap Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) perlu memastikan agar perkhidmatan yang disediakan sentiasa relevan dengan keperluan semasa serta dapat meningkatkan kualiti hidup rakyat. Justeru, inovasi dan kreativiti hendaklah sentiasa menjadi budaya kerja PBT agar usaha-usaha untuk menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Pembangunan dan penggunaan sistem teknologi maklumat ataupun ICT, merupakan inisiatif untuk memantapkan sistem pengurusan di PBT bagi memastikan kecemerlangan penyampaian

perkhidmatan PBT kepada pelanggannya yang terdiri daripada penduduk setempat, komuniti perdagangan, pelabur dan sebagainya.

Sebagai agensi barisan hadapan yang berhubung secara dekat dengan rakyat, amat penting bagi PBT memanfaatkan ICT bagi tujuan membina keupayaan, menambah nilai dan memperkasa organisasi, serta perkhidmatan masing-masing. Selain itu, penggunaan ICT oleh PBT dalam menyediakan perkhidmatan kepada orang ramai membolehkan mereka mempunyai akses secara terus kepada perkhidmatan PBT tanpa batasan.

Sehubungan dengan itu, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah melaksanakan beberapa inisiatif untuk meningkatkan keupayaan penggunaan ICT di PBT iaitu Sistem ePBT, Portal ePBT *Online* dan OSC *Online*. Sistem ePBT merupakan sistem pengurusan hasil, perakaunan, aduan dan pelaporan PBT. Portal ePBT *Online* menawarkan perkhidmatan seperti semakan cukai, status permohonan lesen, sewaan dan kompaun. Manakala OSC *Online* pula menyediakan platform bagi pengemukaan dan pemprosesan permohonan cadangan pemajuan.

Saya berharap melalui penerbitan buku ini, maklumat mengenai kemudahan perkhidmatan PBT yang disediakan secara atas talian akan memberi manfaat kepada orang awam dalam berurusan dengan PBT secara lebih efisien dan tepat.

Sekian, terima kasih.



DATO' HALIMI BIN ABD MANAF

Ketua Pengarah

Jabatan Kerajaan Tempatan

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

13 Mac 2013



MEMPERKASA PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN PBT MENERUSI PENGUNAAN ICT



PENGENALAN


Pihak Berkuasa Tempatan atau dikenali sebagai PBT, merupakan Kerajaan ketiga dalam pentadbiran negara. PBT merupakan pelaksana dasar di peringkat akar umbi yang secara langsung menyampaikan perkhidmatan kepada penduduk tempatan. Secara umumnya, PBT merupakan sebuah badan yang ditubuhkan oleh Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) yang bertanggungjawab untuk mengurus dan mentadbir sesuatu kawasan berasaskan kepentingan tempatan.

Sehingga kini terdapat sebanyak 149 PBT di Malaysia iaitu 99 di Semenanjung Malaysia, 24 di Sabah dan 26 di Sarawak. Daripada jumlah tersebut 12 terdiri daripada Dewan Bandaraya/Majlis Bandaraya, 39 terdiri daripada Majlis Perbandaran dan 98 terdiri daripada Majlis Daerah.

Sebagai agensi barisan hadapan yang berurusan terus dengan rakyat, perkhidmatan PBT memberi gambaran dan persepsi kepada rakyat mengenai perkhidmatan Kerajaan secara keseluruhannya. Menyedari betapa pentingnya memenuhi tuntutan rakyat yang menginginkan perkhidmatan yang lebih efisien dan efektif, Kerajaan telah mengenal pasti penggunaan ICT dalam urusan harian dapat meningkatkan kualiti sistem penyampaian PBT.

Pelan Strategik ICT (ISP) Sektor Awam Tahun 2003 yang mengandungi tujuh (7) strategi ICT menggariskan keperluan untuk menyediakan perkhidmatan secara *end-to-end* kepada rakyat dan komuniti perniagaan dengan membangunkan sistem ICT bagi menyokong perkhidmatan PBT. Sistem ePBT telah dibangunkan di bawah Strategi Pertama iaitu, "Menambah baik penyampaian perkhidmatan Kerajaan melalui peningkatan perkhidmatan kepada orang awam dan inisiatif perkongsian pintar antara agensi Kerajaan".






Buku Pelan Strategik ICT (ISP) Sektor Awam Tahun 2003

lanya juga selaras dengan objektif program *Smart Local Government Governance Agenda* (SLGGA) yang dilaksanakan oleh Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) pada tahun 2002. SLGGA yang dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Ke Lapan bertujuan untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada rakyat melalui penggunaan ICT bagi menjana PBT ke arah mesra rakyat. Ia juga bertujuan merapatkan jurang perbezaan ICT antara PBT dengan memaksimumkan penggunaan sumber melalui perkongsian pintar antara PBT. Dalam pelaksanaan SLGGA, usaha telah diambil untuk melengkapkan PBT dengan peralatan komputer dan perisian yang sesuai. Laman web untuk 52 PBT dibangunkan bagi membolehkan pelaksanaan aplikasi ePBT yang melibatkan pelbagai sistem utama PBT. Secara tidak langsung program ini dapat menaikkan taraf PBT supaya perkhidmatan yang diberikan adalah lebih telus, bertanggungjawab, berkesan dan cepat.

In line with the framework developed, seven (7) strategic responses were identified (Exhibit 4);



Strategi Pertama ICT: Menambah baik penyampaian perkhidmatan Kerajaan melalui peningkatan perkhidmatan kepada orang awam dan inisiatif perkongsian pintar antara agensi Kerajaan

Strategi pemerksaan penggunaan ICT dalam meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan PBT telah membawa kepada anjakan era sistem ICT PBT dengan pewujudan Sistem ePBT, Portal ePBT *Online* dan OSC *Online*.

Buku ini bertujuan untuk memperjelaskan mengenai penggunaan ICT dalam memperkasa sistem penyampaian perkhidmatan PBT supaya menjadi lebih cekap, cepat dan berkesan serta memudahkan urusan harian PBT dan rakyat.



Majlis perjumpaan mantan Ketua Setiausaha Negara dan Yang Dipertua (YDP) Zon Utara pada 9 Mac 2012.



Majlis perjumpaan Yang Dipertua (YDP) Zon Timur pada 4 Mei 2012.



SISTEM ePBT



SISTEM ePBT

Sistem ePBT

Sistem ePBT adalah sistem pengurusan hasil, perakaunan, aduan dan pelaporan PBT yang menggunakan kombinasi konsep 'Client-Server' dan Web. Sistem ini berfungsi untuk membantu PBT dalam mengendalikan operasi harian terutamanya yang melibatkan aspek kutipan hasil, pemprosesan kewangan dan transaksi perakaunan. Sistem ini turut dilengkapi komponen yang bercirikan *Management Information System (MIS)*, *Business Process, Workflow dan Decision Support System (DSS)*.

Latar Belakang

Pada 1 Jun 2004, Mesyuarat Jawatankuasa IT dan Internet Kerajaan (JITIK) memutuskan supaya MAMPU bersama-sama JKT melaksanakan projek perintis ePBT berkonsepkan perkongsian pintar.

Satu Pasukan Panel Penilai ePBT yang diterajui oleh MAMPU telah ditubuhkan terdiri daripada MAMPU, JKT, KPKT dan PBT terpilih.

Pasukan Panel Penilai berperanan untuk mengenal pasti sistem yang telah berjaya dilaksanakan di PBT untuk diperluaskan kepada PBT yang lain. Anggota Pasukan Panel Penilai daripada PBT yang terlibat merupakan pemilik proses kerja dan pegawai-pegawai ICT.

Hasil daripada penilaian yang dibuat, didapati bahawa PBT-PBT mempunyai sistem yang berbeza serta menggunakan platform yang berlainan. Setiap sistem yang dilaksanakan di PBT masing-masing mempunyai kelebihan dan kekurangan. Terdapat Pejabat SUK yang memainkan peranan untuk menyelaras inisiatif ICT PBT-PBT di bawahnya. Amalan proses kerja di PBT-PBT juga berbeza-beza.



Sistem Perakaunan Bersepadu Berkomputer Pihak Berkuasa Tempatan (SPBT) yang diguna pakai oleh 14 PBT di Perak dijadikan sebagai aplikasi asas bagi projek perintis ePBT. Sistem SPBT telah ditambah baik dan dijadikan aplikasi generik ePBT dalam projek perintis ePBT.



Lawatan pemantauan Sistem ePBT oleh mantan Ketua Pengarah JKT bersama Timbalan Ketua Pengarah (ICT) MAMPU ke Majlis Daerah Kampar pada 25 Januari 2007.



Taklimat pelaksanaan Sistem ePBT semasa lawatan pemantauan oleh mantan Ketua Pengarah JKT bersama Timbalan Ketua Pengarah (ICT) MAMPU ke Majlis Daerah Kampar pada 25 Januari 2007.

Objektif Sistem ePBT

- Meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pentadbiran PBT selaras dengan kemajuan pembangunan negara;
- Meningkatkan pelaksanaan sistem penyampaian perkhidmatan PBT dengan menggunakan kemudahan ICT yang kemas kini; dan
- Meningkatkan keupayaan PBT dalam menyediakan perkhidmatan mengikut keperluan pelanggan.

Pelaksanaan Sistem ePBT

Menyedari impak dan faedah pelaksanaan Sistem ePBT, pihak MAMPU dan JKT telah melaksanakan projek perintis Sistem ePBT bermula 1 Jun 2004. Projek Perintis Sistem ePBT telah berjaya dilaksanakan bermula Ogos 2007 di kesemua enam (6) PBT perintis yang melibatkan tiga (3) PBT di negeri Perak iaitu Majlis Perbandaran Manjung, Majlis Perbandaran Kuala Kangsar dan Majlis Daerah Kampar serta tiga (3) PBT di Negeri Sembilan iaitu Majlis Perbandaran Port Dickson, Majlis Perbandaran Nilai dan Majlis Daerah Jelebu.

Berkaitan kejayaan yang dicapai daripada pelaksanaan Projek Perintis ePBT, cadangan peluasan Sistem ePBT telah dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa IT dan Internet Kerajaan (JITIK) pada 8 Mac 2007 di mana mesyuarat bersetuju untuk memperluaskan Sistem ePBT ke negeri-negeri lain.

Sehubungan itu, peluasan Sistem ePBT Fasa 1 telah mula dilaksanakan secara berperingkat mulai 11 Oktober 2007 di sepuluh (10) PBT negeri Perak, empat (4) PBT Negeri Sembilan, lima (5) PBT negeri Terengganu, dua (2) PBT negeri Melaka, satu (1) PBT negeri Selangor dan PBT di negeri Perlis. Sistem ePBT mula digunakan di kesemua 23 PBT yang terlibat pada 31 Mac 2010. Peluasan Sistem ePBT Fasa 2 pula telah dilaksanakan di 32 PBT bermula 7 Julai 2010, iaitu melibatkan 9 PBT di negeri Kedah serta semua PBT di negeri Pahang dan Kelantan.



Ciri-Ciri Sistem ePBT

Sistem ePBT terdiri daripada lima (5) sistem utama dan 21 subsistem yang saling berintegrasi antara satu sama lain bagi tujuan penjanaian penyata dan laporan. Keupayaan dan kelebihan ini menjadikannya satu aplikasi yang lengkap, stabil dan mudah digunakan.



Komponen Sistem ePBT

1

Sistem ID Pelanggan

Sistem ID Pelanggan menggunakan Nombor Kad Pengenalan bagi warganegara, Nombor Pasport bagi bukan warganegara dan Nombor Pendaftaran Syarikat bagi syarikat sebagai ID tunggal pelanggan.

2

Sistem Hasil

Sistem Hasil terdiri daripada tujuh (7) subsistem yang saling berintegrasi iaitu Kutipan, Taksiran, Penilaian, Pelesenan, Sewaan, Kompaun dan Terimaan Pelbagai. Sistem ini telah berjaya memudahkan urusan PBT dari segi kutipan hasil dan penguatkuasaan serta penyelenggaraan maklumat pengguna bagi semua urusan berkaitan hasil.

Kutipan

- Kutipan cukai taksiran, lesen, sewaan, dan kompaun
- Bayaran bil-bil setempat seperti bil air, bil elektrik dan bil telefon

Taksiran

- Pengendalian urusan taksiran seperti penyelenggaraan maklumat harta dan maklumat pemilik pegangan serta pengeluaran bil cukai taksiran bagi semua jenis hartanah

Penilaian

- Penyelenggaraan dan pengemaskinian maklumat pegangan dan pemilik

Pelesenan

- Permohonan, pembaharuan dan pembatalan lesen
- Pelbagai jenis lesen seperti lesen premis, lesen penjaja, lesen iklan, dan lesen gerai.

Sewaan

- Permohonan penyewaan bangunan perniagaan, gerai dan pelbagai harta majlis

Kompaun

- Urusan kompaun lalu lintas dan perniagaan
- Penyelenggaraan dan pengemaskinian maklumat kesalahan, rayuan dan pengurangan kompaun

Terimaan Pelbagai

- Penyediaan akaun terimaan pelbagai berasaskan tunai selain daripada taksiran, lesen, kompaun dan sewaan

Bagi memudahkan orang ramai berurusan dengan PBT, kemudahan untuk membuat pembayaran di mana-mana kaunter PBT di negeri yang sama disediakan tanpa perlu pergi ke PBT tertentu untuk membuat pembayaran. Untuk membuat pembayaran, orang ramai boleh memilih mod pembayaran yang disediakan sama ada secara tunai, cek, *money order*, *postal order* atau kad kredit.



3

Sistem Perakaunan

Bagi meningkatkan tahap kualiti pengurusan kewangan di PBT, Sistem Perakaunan dibangunkan sebagai salah satu komponen Sistem ePBT. Sistem ini terdiri daripada 11 subsistem seperti berikut:



4

Sistem Aduan

Maklum balas orang ramai dalam bentuk aduan menyediakan ruang kepada PBT untuk melaksanakan penambahbaikan perkhidmatan. Perkhidmatan aduan disediakan secara *online* dan pengguna boleh membuat aduan menerusi Portal ePBT. Dengan adanya sistem ini, aduan boleh direkodkan dan disalurkan secara sistematik kepada jabatan atau agensi yang terlibat untuk tindakan segera.



5

Sistem Pelaporan SUK

Sistem Pelaporan SUK dibangunkan bertujuan untuk menyediakan kemudahan penjana pelbagai jenis laporan dan penyata berkaitan transaksi dan perakaunan di PBT negeri masing-masing. Sistem ini boleh diakses oleh Pejabat SUK Negeri secara *online*.



SISTEM PELAPORAN SUK
SETIAJAWA KERAJAAN NEGERI PERAK

Sistem Pelaporan SUK

Nama Pengguna :

Katalakan :

[Pengguna Baru](#)
[Lupa Katalakan ?](#)

Paparasi Terbaik Dengan Resolusi 1024 x 768 Dan Keatas
&
Minima IES Keatas
Minima Filesize 4 Keatas
Java Applet



Senarai Pelaksana Sistem ePBT

Sistem ePBT mula dibangunkan secara perintis di enam (6) PBT dan seterusnya diperluaskan secara berfasa kepada 61 PBT seluruh negara.

Perak

Majlis Perbandaran Manjung
Majlis Perbandaran Kuala Kangsar
Majlis Perbandaran Teluk Intan
Majlis Daerah Batu Gajah
Majlis Daerah Gerik
Majlis Daerah Kampar
Majlis Daerah Kerian
Majlis Daerah Lenggong
Majlis Daerah Pengkalan Hulu
Majlis Daerah Perak Tengah
Majlis Daerah Selama
Majlis Daerah Tanjong Malim
Majlis Daerah Tapah

Negeri Sembilan

Majlis Perbandaran Nilai
Majlis Perbandaran Port Dickson
Majlis Daerah Jelevu
Majlis Daerah Jempol
Majlis Daerah Kuala Pilah
Majlis Daerah Rembau
Majlis Daerah Tampin

Melaka

Majlis Perbandaran Alor Gajah
Majlis Perbandaran Jasin

Perlis

Majlis Perbandaran Kangar

Selangor

Majlis Perbandaran Ampang Jaya

Terengganu

Majlis Perbandaran Dungun
Majlis Daerah Besut
Majlis Daerah Hulu Terengganu
Majlis Daerah Marang
Majlis Daerah Setiu

Kedah

Majlis Bandaraya Alor Star
Majlis Perbandaran Langkawi
Majlis Daerah Baling
Majlis Daerah Bandar Baharu
Majlis Daerah Kubang Pasu
Majlis Daerah Padang Terap
Majlis Daerah Pendang
Majlis Daerah Sik
Majlis Daerah Yan

Kelantan

Majlis Perbandaran Kota Bharu
 Majlis Daerah Ketereh
 Majlis Daerah Tanah Merah
 Majlis Daerah Bachok
 Majlis Daerah Gua Musang
 Majlis Daerah Jeli
 Majlis Daerah Dabong
 Majlis Daerah Kuala Krai
 Majlis Daerah Machang
 Majlis Daerah Pasir Mas
 Majlis Daerah Pasir Puteh
 Majlis Daerah Tumpat

Pahang

Majlis Perbandaran Kuantan
 Majlis Perbandaran Temerloh
 Majlis Perbandaran Bentong
 Majlis Daerah Bera
 Majlis Daerah Cameron Highlands
 Majlis Daerah Jerantut
 Majlis Daerah Lipis
 Majlis Daerah Maran
 Majlis Daerah Pekan
 Majlis Daerah Raub
 Majlis Daerah Rompin

Pemantauan Pelaksanaan

Status pelaksanaan Sistem ePBT dilaporkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ePBT dan Jawatankuasa Teknikal ePBT yang diadakan secara berkala. Selain itu, status pelaksanaan Sistem ePBT juga dilaporkan di dalam Mesyuarat JITIK secara berterusan.

Di samping itu, lawatan pemantauan pelaksanaan Sistem ePBT diadakan secara berterusan dari semasa ke semasa. Objektif utama lawatan adalah untuk meninjau secara dekat pelaksanaan sistem ePBT dan mendapatkan maklum balas daripada pihak pelaksana iaitu PBT mengenai isu dan masalah yang dihadapi. Segala maklum balas yang diterima akan dikaji dan tindakan yang sewajarnya akan diambil.

Hasil daripada lawatan pemantauan yang telah dilaksanakan oleh Pasukan Pemantauan MAMPU dan Bahagian ICT JKT, beberapa syor telah dikemukakan kepada pihak JKT bagi meningkatkan lagi penyampaian perkhidmatan Sistem ePBT. Penyeragaman proses kerja di PBT, di samping pemantauan di peringkat JKT diperlukan bagi memastikan kejayaan pelaksanaan Sistem ePBT di seluruh negara. Selain itu, latihan secara berterusan dan kemahiran pegawai juga memainkan peranan penting dalam menjayakan pelaksanaan Sistem ePBT.

Senarai PBT yang telah dilawati:

Bil.	Nama Pihak Berkuasa Tempatan	Tarikh
1	Majlis Daerah Tanjong Malim, Perak	12 Mei 2009
2	Majlis Daerah Batu Gajah, Perak	12 Mei 2009
3	Majlis Perbandaran Jasin, Melaka	14 Mei 2009
4	Majlis Perbandaran Alor Gajah, Melaka	14 Mei 2009
5	Majlis Daerah Tampin, Negeri Sembilan	20 Mei 2009
6	Majlis Daerah Rembau, Negeri Sembilan	20 Mei 2009
7	Majlis Daerah Kuala Pilah, Negeri Sembilan	3 Januari 2010
8	Majlis Daerah Jempol, Negeri Sembilan	3 Januari 2010
9	Majlis Perbandaran Ampang Jaya, Selangor	2 Ogos 2010
10	Majlis Daerah Raub, Pahang	25 April 2011
11	Majlis Perbandaran Bentong, Pahang	25 April 2011
12	Majlis Daerah Bachok, Kelantan	9 Mei 2011
13	Majlis Perbandaran Kota Bharu, Kelantan	9 Mei 2011
14	Majlis Daerah Ketereh, Kelantan	10 Mei 2011
15	Majlis Daerah Pasir Mas, Kelantan	10 Mei 2011
16	Majlis Daerah Tumpat, Kelantan	10 Mei 2011
17	Majlis Daerah Jeli, Kelantan	11 Julai 2011
18	Majlis Daerah Dabong, Kelantan	11 Julai 2011
19	Majlis Daerah Gua Musang, Kelantan	11 Julai 2011
20	Majlis Daerah Kuala Krai, Kelantan	12 Julai 2011
21	Majlis Daerah Machang, Kelantan	12 Julai 2011
22	Majlis Daerah Tanah Merah, Kelantan	12 Julai 2011
23	Majlis Perbandaran Kuantan, Pahang	21 Julai 2011
24	Majlis Daerah Pekan, Pahang	21 Julai 2011
25	Majlis Daerah Rompin, Pahang	21 Julai 2011
26	Majlis Perbandaran Temerloh, Pahang	21 Julai 2011
27	Majlis Perbandaran Sungai Petani, Kedah	24 Julai 2011
28	Majlis Daerah Sik, Kedah	24 Julai 2011
29	Majlis Perbandaran Langkawi, Kedah	25 Julai 2011



Lawatan Pemantauan Pelaksanaan Sistem ePBT di Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) oleh Ketua Pengarah MAMPU pada 2 Ogos 2010



PORTAL ePBT ONLINE



Portal ePBT Online

Portal ePBT *Online* menawarkan perkhidmatan permohonan pelesenan, semakan status, pendaftaran dan semakan status aduan dan pembayaran secara *online* melalui portal di URL: <http://www.epbt.gov.my>.

Latar Belakang

Menyedari keperluan untuk menambah nilai Sistem ePBT bagi memenuhi kehendak *stakeholders* dan rakyat, JKT telah membangunkan Portal ePBT *Online* bermula pada bulan September 2008. Berkonsepkan *web-based*, Portal ePBT *Online* merupakan kesinambungan dan penambahbaikan kepada perkhidmatan Sistem ePBT sedia ada.



Objektif Portal ePBT Online

- Memudahkan rakyat berurusan dengan PBT melalui penggunaan ICT berteraskan teknologi web;
- Meningkatkan keupayaan PBT dalam menyediakan perkhidmatan permohonan *online* yang efisien, cepat, berkualiti, selamat dan mesra serta mengikut keperluan pelanggan; dan
- Meningkatkan pelaksanaan sistem penyampaian perkhidmatan PBT dengan menggunakan kemudahan ICT yang kemas kini.

Ciri – Ciri Portal ePBT Online

Melalui Portal ePBT *Online*, orang ramai boleh membuat permohonan lesen dan pendaftaran aduan secara *online* tanpa perlu hadir ke kaunter. Sistem ini juga memudahkan orang ramai untuk menyemak status permohonan, status aduan, menyemak kompaun dan menyemak akaun sewaan dengan cepat. Semakan penyata, bil dan transaksi bagi setiap akaun seperti cukai taksiran boleh disemak secara *online* tanpa perlu menunggu bil sebenar yang dihantar kepada pengguna. Portal ePBT *Online* juga membenarkan kemudahan pembayaran *online* menerusi Modul eBayar yang disediakan.

Penggunaan sistem ini dapat mempercepatkan proses permohonan serta dapat meningkatkan prestasi penyampaian perkhidmatan PBT ke arah mesra rakyat. PBT juga tidak perlu membangunkan sistem lain kerana Portal ePBT *Online* boleh diterima pakai di mana-mana PBT yang menggunakan Sistem ePBT.

Modul – Modul Portal ePBT Online

Submodul	Perkhidmatan
eLesen	<ul style="list-style-type: none"> Permohonan Lesen Anjing, Hiburan, Iklan, Penjaja serta Lesen Komposit/Permit Perniagaan Tidak Berisiko.
eSemak	<ul style="list-style-type: none"> Semakan Sewaan, Cukai Taksiran, Kompaun, Status Aduan dan Kelulusan Lesen/Permit. Semakan penyata, bil dan transaksi bagi setiap akaun.
eBayar	<ul style="list-style-type: none"> Bayaran Sewaan, Cukai Taksiran, Lesen, Permit dan Kompaun.
eAduan	<ul style="list-style-type: none"> Aduan berkaitan PBT diajukan oleh pengguna secara <i>online</i>.
eBantuan	<ul style="list-style-type: none"> Muat turun borang-borang permohonan manual PBT serta rujukan <i>online</i> garis panduan, Akta dan Undang-Undang Kecil PBT

Pelaksanaan Portal ePBT Online

Portal ePBT *Online* telah dilaksanakan secara perintis di Majlis Perbandaran Ampang Jaya, Majlis Perbandaran Nilai dan Majlis Perbandaran Manjung bermula pada September 2008. Manakala pelaksanaan Portal ePBT *Online* bagi Fasa 1 dilaksanakan di 28 PBT di negeri Melaka, Negeri Sembilan, negeri Perak, negeri Perlis, negeri Selangor, dan negeri Terengganu bermula pada 31 Disember 2009. Peluasan seterusnya adalah pada tahun 2012 melibatkan 33 PBT di negeri Pahang, negeri Kelantan dan negeri Kedah menjadikan keseluruhan 64 PBT telah melaksanakan Portal ePBT *Online*.

The screenshot shows the ePBT Online portal interface. At the top, it displays the logo of the Ministry of Housing and Local Government of Malaysia. The main navigation bar includes tabs for 'Semak', 'Aduan', 'Bantuan', and 'Pautan'. Below this, there is a search bar and a 'Bantuan' (Help) section with a red question mark icon. To the right, there is a 'Pengumuman Terkini' (Latest News) section with two news items. At the bottom right, there is a large blue button labeled 'Semak'. The left sidebar contains sections for 'PERKHIDMATAN & BORANG' and 'PERKHIDMATAN PORTAL'.

Paparan Utama Portal ePBT *Online*

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Malaysia
Ministry of Housing and Local Government of Malaysia

Home EN A A Pilihan Warna Tolak Menu

Mohon

Bantuan Pautan

Daftar Login Ahli Bantuan Daftar

PERKHIDMATAN & BORANG

Perlesenan
Sewa
Cukai
Penilaian/Pengurusan Harta
Perancangan Bandar/Landskap
Bangunan/Infrastruktur
Pengkijangan

PERKHIDMATAN PORTAL

INFO PBT

GARIS PANDUAN

UNDANG-UNDANG KECIL

STATISTIK

Maklumat Borang Lesen

Nama Borang : Borang Komposit Bagi Permohonan Lesen Hotel
Maklumat Am : **SENARAI SEMAK**

- i. (a)Memorandum dan Perkara Persatuan Bagi Syarikat (Memorandum and Articles of Association), Borang 24 (Return of Allotment of Shares) dan Borang 49 (Return Giving Particulars in Register of Directors , Managers and Secretaries and Changes of Particulars) mengikut Akta Pendaftaran Syarikat 1965; atau
- (b) Borang A (Pendaftaran Perniagaan) atau Borang B (Pendaftaran Perubahan Dalam Perniagaan)
- (c) dan Borang D (Perakuan Pendaftaran Perniagaan) mengikut Ordinan Pendaftaran Perniagaan 1965;
- ii. Pelan lokasi premis;
- iii. Pelan lantai setiap " out - let " yang dipohon;
- iv. Gambar premis
- v. Contoh iklan yang hendak dipamerkan;
- vi. Surat perjanjian atau kebenaran tuan bangunan (jika bukan bangunan sendiri); dan
- vii. Gambar pemohon.

Langkah-langkah yang perlu diambil :

Muat Turun Kembali

Hakcipta© 2008-2009, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Malaysia.
Pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan atau kerosakan akibat daripada penggunaan laman web ini.
Dibangun dan dielenggarakan oleh Jabatan Kerajaan Tempatan.

Paparan Modul Muat Turun Borang dan Senarai Semak Permohonan



Promosi Sistem ePBT Online sempena *Digital Lifestyle Expo 2012* di Pusat konvensyen Kuala Lumpur pada 7 hingga 9 September 2012.



Promosi Sistem ePBT Online sempena Persidangan CIO 2012 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya pada 27 September 2012.



**OSC
ONLINE**



OSC Online

OSC Online adalah satu usaha Kerajaan untuk mempertingkatkan penyampaian kepada pelanggan menerusi prosedur yang telus dalam aspek kawalan pembangunan merangkumi urusan penyerahan dan pemprosesan Pelan Kebenaran Merancang, Pelan Bangunan, Pelan Kejuruteraan dan Pelan Lanskap.



Latar Belakang

Kawalan Pembangunan adalah penting di Malaysia untuk memperkasa dan memperkemaskan proses perbandaran. Kelulusan terhadap Pelan Kebenaran Merancang, Pelan Bangunan, Pelan Kejuruteraan dan Pelan Lanskap dari PBT perlu diperolehi sebelum apa-apa pembangunan tanah dilaksanakan. Proses pertimbangan permohonan cadangan pemajuan memerlukan rujukan dan semakan kepada undang-undang ketetapan negeri dan PBT serta Rancangan Tempatan masing-masing. PBT juga perlu merujuk kepada agensi-agensi teknikal luaran untuk ulasan dan sokongan sebelum memberikan kelulusan.

Kabinet pada 21 Mac 2007 telah bersetuju melaksanakan Pusat Setempat (*One Stop Center*) untuk menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan dengan memperkenalkan pengemukaan permohonan secara serentak bagi memendekkan tempoh masa pertimbangan permohonan daripada enam (6) bulan kepada empat (4) bulan di mana pada peringkat awal, permohonan cadangan pemajuan dikemukakan secara manual di kaunter PBT dan maklumat direkodkan menerusi Portal OSC. Transformasi seterusnya ialah melaksanakan OSC secara atas talian iaitu OSC Online.

Objektif OSC Online

- Menggantikan cara konvensional mengemukakan pelan yang tidak kemas kini (*outdated*) dan membebankan (*bulky*) di mana salinan-salinan pelan dalam bentuk linen yang besar dan berat perlu dikemukakan kepada PBT;
- Memodenkan proses pengemukaan pelan menjadi lebih cepat, mudah dan boleh dilakukan pada bila-bila masa, serta rekod-rekod pembangunan dapat disimpan secara lebih teratur; dan
- Mengurangkan pertemuan secara bersemuka antara pemohon dengan pihak PBT.



Majlis pelancaran rasmi OSC *Online* secara serentak di 10 PBT pada 4 Januari 2011

Ciri-Ciri OSC Online

OSC Online membolehkan pemohon iaitu para profesional untuk mengemukakan cadangan pemajuan, semakan status permohonan dan membuat pindaan ke atas permohonan secara atas talian terus kepada PBT dan agensi teknikal. Pengguna OSC Online terdiri daripada pihak PBT, Agensi Teknikal Luaran, *Principal Submitting Person* (PSP), Pemilik Projek dan orang awam.

OSC Online mudah digunakan kerana pemohon mengemukakan permohonan dengan memuat naik maklumat permohonan kawalan pembangunan melalui laman web PBT pilihan tanpa perlu hadir ke kaunter. Maklumat permohonan direkod secara elektronik untuk memudahkan penggunaan dan rujukan oleh agensi-agensi Kerajaan berkaitan.



Kaunter Pusat Setempat disediakan untuk memudahkan pengguna datang berurusan secara terus dengan PBT.

Modul OSC Online

OSC *Online* dilengkapi dua (2) modul utama iaitu e-Penyerahan dan e-Pemprosesan merangkumi lapan (8) submodul lain bagi memproses semua cadangan pemajuan yang dikemukakan kepada PBT termasuk permohonan bagi Kebenaran Merancang, Pelan Bangunan, Pelan Kejuruteraan dan Pelan Lanskap.

Senarai Submodul e-Pemprosesan

Submodul	Keterangan
Pendaftaran Pengguna	Pendaftaran pengguna sistem yang dibahagi kepada dua (2) kategori iaitu <i>Principal Submitting Person</i> (PSP) dan Orang Awam.
e-Pemprosesan	Landasan bagi PBT memproses dan memantau permohonan serta bagi agensi teknikal dalaman dan luaran memberikan ulasan secara <i>online</i> .

Senarai Submodul e-Penyerahan

Submodul	Keterangan
e-Penyerahan	Penyerahan permohonan, dokumen dan pelan secara digital dan <i>online</i> kepada PBT yang berkaitan cadangan pemajuan.
e-Permintaan Perkhidmatan	Landasan kepada pelanggan PBT untuk memohon perkhidmatan berkaitan dengan cadangan pemajuan
e-Rujukan	Landasan rujukan kepada pelanggan PBT berkaitan prosedur dan syarat - syarat perkhidmatan yang ditawarkan
e-Panduan	Landasan maklumat dalam format <i>Geographic Information System</i> (GIS) mengenai status perkembangan terkini di kawasan cadangan pemajuan.

Submodul	Keterangan
